

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ، وَنُسْتَعِينُهُ، وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا، وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يُضِلِّهِ، فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

صلوات الله وسلامه عليه، وعلى آله وأصحابه وآل بيته الكرام، ومن سار على نهجه واهتدى بهديه إلى يوم الدين
- أما بعد :

فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ : اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ التَّقْوَى، حَيْثُ قَالَ تَعَالَى :

{ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ } [آل عمران: ١٠٢]

{ يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا } [النساء: ١]

{ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا * يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا } [الأحزاب: ٧٠، ٧١].

Allah Ta`alla berfirman dalam Surah Aali 'Imran ayat 26 dan 27:

قُلِ اللَّهُمَّ مَالِكُ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (٢٦) تُؤَلِّجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُؤَلِّجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَمِيتِ وَتُخْرِجُ الْمَمِيتَ مِنَ الْحَيِّ وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ (٢٧)

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad), Ya Allah, pemilik sebenar-benar kerajaan! Kamu kurniakan kerajaan kepada sesiapa yang Kamu kehendaki dan Kamu tanggalkan kerajaan daripada sesiapa yang Kamu kehendaki. Kamu berikan izzah keagungan kepada sesiapa yang Kamu kehendaki dan berikan kehinaan kepada sesiapa yang Kamu kehendaki.

Hanya di tangan-Mu sebenar-benar kebaikan. Sesungguhnya Kamu atas segala sesuatu itu Maha Berkuasa. Kamu masukkan malam ke dalam siang dan Kamu masukkan siang ke dalam malam. Kamu keluarkan yang hidup daripada yang mati dan Kamu keluarkan yang mati daripada yang hidup. Kamu sentiasa mengurniakan rezki kepada sesiapa yang Kamu kehendaki tanpa terkira”

Yang Berbahagia, al-Fadhil Pengerusi Tetap dan al-Faadhil Timbalan Pengerusi Tetap;

Yang diraikan, Para Pemerhati Kehormat dan Ahli-ahli Jawatankuasa PAS Pusat;

Yang berbahagia Sahib al-Fadhilah Timbalan Ketua dan Sahib al-Fadhilah Naib Ketua Dewan Ulama PAS Pusat;

Yang berbahagia al-Fadhil Setiausaha dan al-Fadhil Bendahari Dewan Ulama PAS Pusat;

Ashaab al-Fadhilah, Ahli Jawatankuasa Dewan Ulama PAS Pusat,

Seterusnya Saf Kepemimpinan Dewan Ulama PAS Pusat di semua peringkat;

Yang Berusaha, Pengarah dan Urusetia Panitia Mukhtar Dewan Ulama Pas Ke-51; dan,

Seterusnya Ashhab al-Fadhilah wal Karamah, Para Tuan Guru, Alim-Ulamak, Para Perwakilan dan Pemerhati yang dirahmati Allah sekalian;

ULAMAK HARAKI BENTENG IZZAH ISLAM

1.0 PENDAHULUAN

Alhamdulillah, pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh perwakilan Mukhtar dengan mengucapkan **بارك الله فيكم** kerana berjaya mewakafkan sedikit masa, tenaga dan harta untuk sama-sama menghadiri Mukhtar pada kali ini. Marilah sama-sama kita bersyukur dengan melafazkan kalimah Alhamdulillah di atas nikmat ini, moga-moga kita diberikan kekuatan yang sama untuk bermukhtar pada masa akan datang. Allah berfirman dalam Surah Ibrahim ayat 7

لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Marilah juga kita perbetulkan segala niat kita menghadiri mukhtar ini semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah dengan menunaikan tanggungjawab muhasabah bagi menilai segala aktiviti yang telah kita laksanakan untuk sesi 2011-2012.

Para Asatizah Kiram,

Kita bermuktamar kali ini dalam keadaan bahang pilihanraya umum ke 13 sudah sangat hampir, selewat-lewatnya Mac atau April 2013 nanti. Tentunya focus kerja kita pada kali ini menjurus kepada agenda pilihanraya dengan tujuan menobatkan Islam di persada kuasa memerintah negeri-negeri di Malaysia dan Negara Malaysia yang tercinta ini.

Dalam Muktamar ke 50 yang lepas, saya bentangkan Ucaptama bertajuk Ulamak Haraki Teraju Kemenangan. Harapannya ialah para ulamak berada di saf hadapan untuk berjuang mendapatkan kemenangan. Apakah yang kita maksudkan dengan kemenangan? Jawapannya ialah:

1. Kita menang apabila kita berjaya menjadi mata rantai kepada perjuangan.
2. Kita menang apabila kita berjaya menyampaikan Islam.
3. Kita menang apabila kita berjaya mengislamkan insan-insan yang sebelumnya kufur kepada Allah atau sekurang-nya menjadikan yang bukan Islam tidak menjadi penentang kepada Islam.
4. Kita menang apabila kita berjaya mendidik muslim tunduk dan patuh kepada syariat Allah.
5. Seterusnya kita menang apabila kita berjaya menobatkan izzah Islam di persada kuasa pemerintahan.

Untuk itu, sebagai lanjutannya, saya membentangkan Ucaptama dalam Muktamar kali ini dengan tajuk:

Ulamak Haraki; Benteng Izzah Islam

Para Ilmuwan Islam yang dirahmati Allah,

Allah Ta'alla berfirman dalam Surah Aali 'Imran ayat 26 dan 27:

قُلِ اللَّهُمَّ مَالِكُ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (٢٦) تُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ (٢٧)

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad), Ya Allah, pemilik sebenar-benar kerajaan! Kamu kurniakan kerajaan kepada sesiapa yang Kamu kehendaki dan Kamu tanggalkan kerajaan daripada sesiapa yang Kamu kehendaki. Kamu berikan izzah keagungan kepada sesiapa yang Kamu kehendaki dan berikan kehinaan kepada sesiapa yang Kamu kehendaki. Hanya di tangan-Mu sebenar-benar kebaikan. Sesungguhnya Kamu atas segala sesuatu itu Maha Berkuasa. Kamu masukkan malam ke dalam siang dan Kamu masukkan siang ke dalam malam. Kamu keluarkan yang hidup daripada yang mati dan Kamu keluarkan yang mati

daripada yang hidup. Kamu sentiasa mengurniakan rezki kepada sesiapa yang Kamu kehendaki tanpa terkira”

Allah berfirman lagi dalam Surah al-Munafiqin ayat 8:

وَلِلَّهِ الْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: “dan Izzah itu hanya menjadi milik Allah , milik Rasul-Nya dan milik orang-orang beriman, tetapi orang-orang Munafiqin tidak mengetahui.”

Allah berfirman lagi dalam Surah Fatir ayat 10:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعِزَّةَ فَلِلَّهِ الْعِزَّةُ جَمِيعًا

Maksudnya: “Sesiapa yang mahukan izzah maka hanya milik Allah izzah tersebut kesemuanya.

Sayyidina Umar pernah mengungkapkan

نحن قوم أعزنا الله بالإسلام فمضى ابتغينا بغير الإسلام أذلنا الله

Maksudnya: Kita merupakan satu kaum yang diberikan Izzah oleh Allah dengan Islam. Maka apabila kita mencari Izzah dengan selain daripada Islam pasti Allah hina kita.

Menurut Kamus-kamus Arab, Izzah bermaksud kebesaran, kekuatan, kemampuan, penguasaan, kemenangan dan kehormatan. Semua makna-makna tersebut boleh kita simpulkan dengan perkataan keagungan, kehormatan dan kemuliaan.

Allah berfirman dalam Surah al-Anfal ayat 26

وَاذْكُرُوا إِذْ أَنْتُمْ قَلِيلٌ مُسْتَضْعَفُونَ فِي الْأَرْضِ تَخَافُونَ أَنْ يَتَخَطَّفَكُمُ النَّاسُ فَآوَاكُمْ وَأَيَّدَكُمْ بِبَصَرِهِ وَرَزَقَكُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Qatadah bin Di`amah al-Sadusi ketika mentafsirkan ayat di atas menjelaskan bahawa orang Arab adalah manusia yang paling hina, paling sukar kehidupannya dan paling lapar perutnya hinggalah akhirnya Allah datangkan Islam kepada mereka. Lalu dengan Islam itu mereka menjadi raja-raja yang menguasai manusia.

Bangsa Arab mendapat izzah keagungan, kehormatan dan kemuliaan bukan kerana nama mereka bangsa Arab, tetapi kerana mereka memilih Islam sebagai al-Din. Dengan Islam, bangsa Arab telah membina Negara Madinah. Dengan Islam, Negara yang asalnya kecil diperluaskan kekuasaannya sehingga akhirnya menjatuhkan dua empayar besar dunia ketika itu Rom dan Parsi. Islam menguasai dunia. Cara hidup Islam berkembang di seluruh dunia.

Dengan Islam, bangsa Arab menegakkan Khilafah Umawiyah dan Khilafah Abbasiyyah yang terkenal dalam sejarah memahat tamadun dunia. Dengan Islam juga bangkitnya kerajaan Islam di Andalus yang juga mencipta tamadun ilmu yang masih dikagumi dunia sehingga hari ini. Namun, apabila amalan Islam ditinggalkan oleh umat Islam Andalus, akhirnya Andalus hanya menjadi sejarah pada hari ini.

Dengan Islam juga bangsa Turki mendapat Izzah dengan tertegaknya Khilafah Uthmaniyyah yang mencipta tamadun ilmu dan pembangunan manusia yang telah tercatat dalam sejarah dunia. Tapi bila akhirnya Islam diketepikan maka Khilafah Islam yang hebat akhirnya runtuh.

Sejarah Alam Melayu mengingatkan kita dengan kemegahan bangsa Melayu apabila mereka menerima Islam dengan tegaknya empayar Melaka, kerajaan Johor-Riau, kerajaan Aceh, kerajaan Patani dan lain-lainnya.

Dewasa ini manusia mencari-cari model kerajaan yang baik, yang memberikan keadilan dan kebajikan kepada umat manusia. Jawapannya ialah pada Islam. Hanya dengan Islam kita akan menikmati izzah keagungan, kehormatan dan kemuliaan. Dengan Islam seluruh manusia sama ada Islam atau bukan Islam akan mengecapi sebenar-benar keadilan dan kebajikan.

Begitulah di Malaysia, apa bangsa sekalipun termasuk Melayu, tidak akan mencapai Izzah melainkan dengan menerima Islam sebagai asas pemerintahan dan urustadbir bernegara.

Hari ini, Parti Islam Semalaysia PAS telah berjaya memerintah Kelantan sejak 22 tahun dan Kedah sejak 4 tahun yang lalu. PAS juga berkongsi kuasa memerintah Selangor dan Pulau Pinang. Kemenangan ini mesti dipertahankan oleh Ulama Haraki dengan mengisi kemenangan tersebut dengan Islam.

Seterusnya, keperluan Islam untuk memerintah dan mentadbir mesti dihurai dan dijelaskan oleh para Ulama Haraki kepada seluruh rakyat Malaysia dengan menggunakan pelbagai medium bagi melebar-luaskan lagi kemenangan di seluruh Malaysia. Justeru, Ulama Haraki perlu menggembeleng seluruh tenaga, masa dan harta yang mereka ada untuk membina Izzah Islam agar Malaysia dipimpin sepenuhnya berpandukan Islam selepas Pilihanraya Umum ke 13 nanti.

2.0 ULAMA HARAKI

Para Ulama Muhtaramin,

2.1 Takrifan Ulama

Ulama adalah mereka yang mempunyai dua ciri iaitu berilmu dan bertaqwa. Berilmu tapi tidak bertaqwa bukanlah ulamak. Mungkin juga digelar Ulama pada bahasanya tetapi digelar Ulama Suu'. Bertaqwa tanpa ilmu pula hanya bergelar Abbad. Maka Ulama Allah Ta'ala berfirman dalam surah Fatir, ayat 28:

إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ

Maksudnya: Hanyasanya Allah itu ditakuti oleh Ulamak di kalangan hambanya. Sesungguhnya Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.

Imam Ibn Kathir (tafsir Quran al-Azim juz 6, hlm 545) ketika menghuraikan ayat ini menukulkan beberapa pandangan Ulamak dalam menjelaskan hakikat Ulamak. Antaranya Hasan Basri menyatakan; orang Alim ialah orang yang takutkan al-Rahman di kala ghaib, suka pada perkara yang digalakkan oleh Allah dan berzuhud dalam perkara yang dimurkai oleh Allah.

Ibn Abbas pula menyatakan: orang berilmu tentang al-Rahman ialah orang yang tidak mensyirikkan Allah dengan sesuatu, menghalalkan apa yang diharamkan oleh-Nya, mengharamkan apa yang diharamkan oleh-Nya, memelihara wasiat-Nya dan meyakini bahawa dirinya pasti menemui Allah dan dirinya pasti dinilai berdasarkan perlakuannya.

2.2 Takrifan Ulamak Haraki

Ulamak Haraki pula merupakan Ulamak yang bergerak dalam masyarakat menyampaikan risalah Islam. Ulamak Haraki tidak hanya berilmu untuk amalan dirinya Mereka menjadi kesinambungan tugas kenabian bagi melaksanakan tugas menyampaikan al-Quran, mengajar isi kandungan al-Quran dan membersihkan manusia daripada najis aqidah yang sesat dan akhlak yang buruk. Allah berfirman menceritakan tugas Rasulullah saw dalam Surah al-Jum`ah ayat 2

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

Maksudnya: Dialah yang telah mengutuskan di kalangan orang yang ummi seorang rasul daripada kalangan mereka yang membacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, mensucikan mereka, mengajar kepada mereka al-Kitab dan al-Hikmah meskipun mereka sebelumnya benar-benar berada dalam kesesatan yang nyata.”

Ulamak Haraki tidak hanya mengajar tanpa mempedulikan politik pemerintahan. Ulamak Haraki mengambil tanggungjawab menegur kemungkaran pemerintah apabila berlaku. Nabi saw bersabda dalam riwayat Tirmizi dan Ibn Humaid

وَلَا غَادِرَ أَعْظَمَ غَدْرًا مِنْ أَمِيرٍ عَامَّةٍ ، أَلَا إِنَّ أَفْضَلَ الْجِهَادِ كَلِمَةُ عَدْلِ عِنْدَ إِمَامٍ جَائِرٍ ، أَلَا لَا يَمْنَعَنَّ أَحَدًا مَخَافَةُ النَّاسِ أَنْ يَقُولَ بِالْحَقِّ إِذَا شَهِدَهُ أَوْ عِلْمُهُ

Maksudnya: Dan tiada pengkhianat yang lebih besar pengkhianatannya berbanding seorang pemerintah orang awam. Ketahuilah sebaik-baik jihad itu adalah kalimah keadilan di sisi seorang pemerintah yang zalim. Ketahuilah jangan kebimbangan kepada manusia-manusia

menjadi penghalang bagi seorang lelaki itu menyatakan kebenaran apabila dia menyaksikan dan mengetahuinya.

3.0 PERANAN ULAMA HAKI DALAM PARTI

3.1 Ulama Haraki Benteng Dasar Thabit dalam PAS

Dasar Parti Islam Semalaysia PAS ialah Islam. Sumber rujukannya adalah al-Qur'an, al-Hadis, Ijma' dan Qiyas. Para Ulamak bertanggungjawab memastikan PAS sentiasa berada di landasan Islam dalam seluruh tindakan dan keputusannya dengan merujuk kepada keempat-empat sumber tersebut.

PAS adalah gerakan Islam yang menjalankan kerja dakwah dan melibatkan diri dengan politik pemerintahan. Sebagai parti dakwah Pas bertanggungjawab menyampaikan Islam kepada bukan Islam dan melaksanakan tugas Amar Ma'ruf dan Nahi Mungkar serta memperkukuhkan iman orang sudah menganut Islam. Sebagai parti politik, PAS berusaha mendapatkan kuasa pemerintahan bagi Islam dengan menggunakan saluran demokrasi iaitu melibatkan diri dalam pilihanraya.

Ulamak Haraki dalam PAS berperanan besar memastikan kedua-dua matlamat PAS ini sentiasa di fahami dan dihayati oleh ahli dan kepimpinan parti.

3.2 Ulama Haraki Memacu Ijtihad Siyasi dalam Mutaghayyirat

Mutakhir ini terlalu banyak hal-hal yang berlaku membabitkan pelbagai aspek kehidupan bersiasah. Justeru, ulamak perlu berijtihad berpandukan al-Qur'an dan al-Hadis, dengan mengambil kira Qias yang sahih, waqi' semasa dan Maqasid Syar'iyyah.

Untuk mencapai matlamat politik Islam, Ulamak berijtihad dalam menentukan wasilahnya. Antaranya, Ulamak dalam PAS berijtihad dengan merujuk kepada al-Qur'an dan al-Hadis membenarkan Tahaaluf Siyasi dengan parti-parti lain dengan syarat-syaratnya sebagai satu wasilah mencapai kemenangan dalam pilihanraya. Rentetan daripada ijtihad Tahaaluf Siyasi, ahli-ahli PAS diarahkan mengundi calon-calon pilihanraya bukan Islam di kalangan Pakatan Rakyat.

Maka Ulamak perlu menjelaskan perkara ini kepada ahli-ahli parti dengan dalil-dalil daripada al-Qur'an dan al-Hadis. Dalam masa yang sama juga Ulamak perlu sentiasa prihatin dengan syarat-syarat Tahaaluf Siyasi yang telah digariskan. Sekiranya berlaku sebarang pelanggaran kepada syarat-syarat tersebut, Ulamak perlu segera menegur kepimpinan parti dan memberikan nasihat.

3.3 Ulamak Haraki Membetulkan Kecelaruan Pemikiran Tentang Hudud

Di zaman langit terbuka ahli-ahli Pas terdedah dengan pelbagai pandangan dan lontaran idea dari luar parti. Dalam beberapa keadaan ada segelintir ahli baru yang terkeliru dengan beberapa isu. Dalam isu Hudud, ada ahli yang bercelaru merasakan bahawa ianya tidak perlu

dibicarakan dalam era Tahaaluf Siyasi. Setengahnya terkeliru dengan pandangan bahawa Hudud tidak perlu dilaksanakan kerana keadaan bermsyarakat rakyat Malaysia yang belum kondusif. Ini semua adalah kecelaruan pemikiran kerana gagal mengikuti tarbiyah PAS.

Perjuangan menegakkan Hudud merupakan agenda Islam dan sudah pasti menjadi agenda PAS. Hudud merupakan undang-undang pencegahan melibatkan jenayah berat yang menggugat keamanan manusia iaitu kecurian, rompakan, zina, tuduhan zina, menghilangkan akal dan murtad keluar daripada Islam. Kita berjuang menjadikan Hudud sebagai sebahagian daripada undang-undang (Taqnin) berdasarkan kuasa demokrasi yang kita miliki. Setelah ianya menjadi undang-undang negara, pelaksanaannya akan dilakukan oleh badan kehakiman untuk menentukan tahap pelaksanaannya. Kita telah berjaya membentangkan enakmen jenayah Syariah di Kelantan dan Terengganu menurut kuasa demokrasi yang kita miliki.

3.4 Ulama Haraki Membentuk Minda Rakyat Menerusi Media Baru

Mutakhir ini gelombang media cetak, alat-alat elektronik dan sebarang kemudahan maklumat begitu berleluasa serta bersifat global. Justeru, para ulama haraki wajib ke hadapan bukan sahaja menyampaikan ucapan ceramah dan pengajaran menggunakan kaedah traditional tetapi juga perlu menyebarkan ilmu melalui medium baru sebagai satu bentuk dakwah yang telah diterima ramai pada masa kini.

Ulamak mesti memberikan respon terhadap isu yang berlaku dalam masyarakat. Tidak cukup hanya dalam kuliah di surau dan masjid serta ceramah, bahkan perlu disiarkan dalam media massa. Youtube, blog, website dan media alternatif lain perlu digunakan semaksimum mungkin untuk tujuan tersebut

Ulamak perlu memanfaatkan media ini bagi membentuk minda rakyat dan cara pemikirannya agar benar-benar menguntungkan Islam di samping mempunyai semangat untuk menegakkan agama Allah di muka bumi ini.

Sementelahan lagi isu berkaitan ijthad siyasi dan tarbawi biasanya dialpakan oleh banyak pihak. Ulamak Haraki berperanan memenuhi media baru dengan pemikiran dakwah, tarbiyah dan jihad menentang kezaliman. Jihad Ulamak Haraki tidak hanya dengan lisan tetapi juga menggunakan mata pena penulisan. Marilah kita mengisi ruangan yang terbuka luas sebagai medium dakwah moden untuk menyampaikan risalah Allah kepada masyarakat.

4.0 ULAMA MEMIMPIN KE PRU 13

Marilah sama-sama kita menginsafi bahawa suasana muktamar pada kali ini lebih kepada isu persediaan PRU 13. Ulamak Haraki perlu bersedia memimpin jentera pilihanraya untuk mendapatkan kemenangan yang maksima dalam PRU ke 13. Jentera pilihanraya perlu dibimbing agar sentiasa membetulkan niat bekerja kerana Allah untuk menentang kezaliman dan menegakkan pemerintahan Islam. Kekuatan spiritual mesti dibina dengan menjaga solat dan membanyakkan doa dan munajat. Akhlak sebagai pejuang kebenaran mesti dipelihara antaranya sabar dan menjaga lidah

Para Ulama tidak melobi dan berkempen untuk menjadi calon pilihanraya kerana Nabi saw berpesan dalam riwayat Abi `Awwanah:

إِنَّا وَاللَّهِ لَا نُؤَلِّي هَذَا الْعَمَلَ أَحَدًا سَأَلَهُ ، وَلَا أَحَدًا حِرْصَ عَلَيْهِ

Maksud: Sesungguhnya Kami tidak melantik pekerjaan ini sesiapa yang memintanya atau sesiapa yang mahukannya.”

Namun, para Ulama perlu bersedia sekiranya diberikan amanah oleh kepimpinan parti untuk menjadi calon pilihanraya. Calon-calun yang terpilih hendaklah merasakan ini sebagai satu tanggungjawab yang besar dan sentiasa mengambil buah fikiran bermusyawarah dengan kepimpinan setempat bagi mencapai kemenangan. Ulama-ulama diharap mampu mengisi kemenangan nanti dengan Islam

Islam adalah alternatif kepada kerosakan sistem hidup manusia. Rasulullah s.a.w. telah membawa Islam untuk mengubati dan memperbaiki kerosakan tersebut. Di Malaysia, sistem politik, sosial dan ekonomi telah dirosakkan oleh UMNO dan Barisan Nasional yang telah memerintah sekian lama. Rakyat merasai kesannya walaupun telah disolek dengan bedak yang tebal bagi menutupi kerosakan tersebut. PAS mewarisi risalah Islam ini daripada baginda s.a.w. dengan tujuan yang sama memperbaiki sistem hidup yang rosak. Para Ulama perlu berperanan untuk memikul tanggungjawab ini kerana mereka adalah golongan yang mampu merujuk kepada al-Quran dan as-Sunnah bagi menjelmakan Islam dalam kehidupan. Kemenangan yang bakal diperolehi perlu diisi oleh para Ulama Haraki agar matlamat dan tujuan tersebut dapat dicapai.

5.0 ORGANISASI BERWAWASAN ULAMAK HARAKI

Para Ulama, sidang perwakilan yang dirahmati Allah,

Ulama mesti memperkukuhkan lagi organisasi di semua peringkat samada Urusan Ulama kawasan, Dewan Ulama Negeri dan Dewan Ulama PAS Pusat

5.1 Majlis Penyelidikan

Setahun berlalu DUPP telah memperkukuhkan organisasi dengan mempertingkatkan fungsi R & D menerusi Lajnah Penyelidikan dan Tafaqquh. Seramai lebih 40 penyelidik dari pelbagai takhassus pengajian Islam telah membantu menjadi panel penyelidik DUPP dalam pelbagai isu. Untuk memperkukuhkan lagi fungsi kajian ini maka saya suka mengumumkan lajnah ini menjadi Majlis Penyelidikan dan Tafaqquh.

5.2 Unit Media

Unit Media telah diperkukuhkan di bawah Majlis Setiausaha khusus untuk menyelaraskan kenyataan semasa oleh Ketua Dewan Ulama di samping menyelaraskan kenyataan pimpinan tertinggi Dewan bagi menangani pelbagai isu semasa. Hasilnya kita berjaya merencanakan

laman web rasmi Dewan dengan lebih daripada 300 kenyataan dalam tempoh 16 bulan. Hasratnya pada masa akan datang Unit Media ini diperkukuhkan dengan kumpulan kerja sepenuh masa yang bergaji.

5.3 Merancang Pemimpin Masa Depan

Ulamak merupakan pewaris para nabi seperti nabi yang sah. Nabi bukan sahaja menyampaikan Islam tetapi menjadi pemimpin masyarakat dan memerintah negara. Walaupun melahirkan pemimpin yang benar-benar berkaliber dan memahami amanah Allah SWT yang wajib dipikul sebagai khalifah Allah bukanlah kerja mudah, namun, PAS dalam sejarah yang panjang telah berjaya melahirkan ramai pemimpin di kalangan ulamak.

Usaha melahirkan lebih ramai pemimpin di kalangan ulamak pada masa akan datang mesti dilaksanakan secara lebih terancang. Untuk itu DUPP akan mewujudkan akademi latihan kepimpinan sebagai satu usaha melahirkan kepimpinan ulamak yang berwibawa.

5.4 Pusat Pendidikan Islam Integrasi

Ulamak dalam PAS sejak dulu gigih membina pusat-pusat pendidikan Islam. Usaha jihad pendidikan sebegini perlu digiatkan lagi dengan mewujudkan pusat pendidikan rendah dan menengah persendirian yang bersifat integrasi menekankan kemampuan ilmu agama, kemampuan akademik dan akhlak yang baik.

6.0 MEMBINA KEPIMPINAN ULAMAK

Ulamak mestilah melengkapkan diri dengan ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh Islam sebagai seorang pemimpin. Ulamak hendaklah mempunyai sifat 'Qawiy' dan 'Amin' sebagaimana yang wujud pada Nabi Musa a.s. Firman Allah s.w.t dalam Surah al-Qasas ayat 26.:

يَا أَبَتِ اسْتَأْجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَأْجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ

Maksudnya: *Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: "Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), Sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah."*

Maksud 'Qawiy' dalam konteks kepimpinan ialah mempunyai ilmu, keupayaan dan kepakaran dalam mentadbir, mengurus dan memimpin. 'Amin' pula bermaksud amanah dan integriti dalam melaksanakan tanggungjawab.

Di samping itu, Ulamak juga mesti mempunyai sifat 'Hafiz' dan 'Alim' sebagaimana wujud pada nabi Yusuf a.s. Firman Allah s.w.t. dalam Surah Yusuf ayat 55:

قَالَ اجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلَيْمُ

Maksudnya: *Yusuf berkata: "Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); Sesungguhnya Aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya."*

'Hafiz' bermaksud pakar dalam memelihara dan mengurus kewangan dan 'Alim' ialah berpengetahuan dalam pentadbiran dan berkemampuan untuk merujuk kepada al-Quran dan As-Sunnah bagi mengetahui hukum hakam dan prinsip syarak.

7.0 ULAMA HARAKI PRIHATIN PERMASALAHAN UMMAH

Ulamak Haraki perlu prihatin dengan permasalahan semasa ummah. Umat Islam berhadapan dengan pelbagai permasalahan ekonomi dan social yang memerlukan penyelesaian Islam. Di sini dikemukakan isu permasalahan ummah di dunia dan di Malaysia khususnya:

7.1 Permasalahan Ekonomi

Saat kita berada pada alaf baru antara cabaran yang begitu ketara dan membimbangkan ialah:

- Kadar hutang yang sentiasa bertambah sehingga tiada ruang dan peluang untuk membayarnya. Ini merupakan petanda ketidak pedulian pemimpin negara dalam mengurus tadbir ekonomi negara dengan baik.
- Sistem ribawi masih tumbuh dan membiak subur di negara kita. Walaupun telah wujud bank Islam, muamalat dan perbankan Islam tetapi usaha memperkasakan bank-bank Islam masih bersifat lepas batuk di tangga berbanding dengan bank-bank konvesional. Lebih malang lagi, bank konvesional makin membesar yang menyebabkan sistemribawi akan sentiasa mendominasi sedangkan jelas hilangnya unsur barakah dan keredaan Allah kerana sumber daripada ribawi adalah haram dengan nas dan ijmak.
- Pengurusan wakaf masih lagi di tahap yang amat perlahan sedangkan jika diurus tadbir dengan betul ia menjadi pacuan ekonomi umat Islam yang cukup gah dan besar sehingga negeri-negeri Arab mewujudkan Kementerian Wakaf bahkan al-Azhar sebuah universiti terulung dunia ditegakkan dengan hasil wakaf pada peringkat awalnya.
- Pengurusan zakat walaupun susun aturnya terdapat kebaikan dan perkembangan yang positif berdasarkan hasil pungutan tetapi saban tahun kita mendengar puluhan juta duit zakat tidak dibelanjakan bahkan disimpan dengan alasan yang lemah sedangkan nisbah rakyat yang fakir dan miskin makin bertambah dari setahun ke setahun.
- Kadar pengangguran di kalangan pelajar lepasan IPT dan IPTS sama ada dalam dan luar negeri makin bertambah. Ini menyebabkan peluang dan ruang untuk mereka sama-sama menyumbangkan ke arah pembangunan negara dinafikan hak mereka. Kerajaan yang amanah hendaklah bertanggungjawab memberikan mereka ruang dan pekerjaan agar sama-sama mendapat kesenangan dan kebahagiaan hidup.

7.2 Permasalahan Sosial (jenayah)

Sudah sampai masanya kerajaan memandang serius dalam menangani pelbagai isu gejala sosial yang makin membarah dan kemuflian akhlak di kalangan masyarakat, antaranya:

- Kadar kelahiran bayi tanpa bapa meningkat begitu tinggi saban tahun. Lebih parah dari itu melahirkan pelbagai jenayah yang lain seperti pengguguran bayi, pembunuhan bayi, pembuangan dan penjualan bayi. Ini semua kerana kegagalan kerajaan melaksanakan hukum Tuhan.
- Kadar ketagihan arak dan dadah makin meningkat sehingga nisbah peratusan umat Islam sendiri yang terbabit meningkat dengan ketara. Lebih membimbangkan lagi remaja yang di peringkat sekolah menengah sudah mula terbabit berdasarkan laporan di media massa yang dapat dibaca secara terbuka.
- Lambakan filem dan bahan-bahan lucu, majalah-majalah porno yang begitu mudah diperolehi sebagai petanda betapa parahnya kemelut sosial yang berlaku di kalangan masyarakat. Persoalannya di mana ketegasan pihak pemerintah yang sentiasa menjaja wasatiah dalam Islam dan cintakan nilai-nilai murni?

Pelan tindakan secara khusus dan bersepadu masih lagi nampak kekaburan dan tidak jelas untuk membina sebuah generasi yang cintakan negara dan mematuhi agama dapat dibentuk sehingga layak ditabalkan sebagai generasi yang unggul dari segi sahsiah, akhlak dan juga kehidupannya.

7.3 Permasalahan Pendidikan

Isu pendidikan wajib diutamakan selaras dengan wahyu pertama diturunkan iaitu iqra. Persoalannya bagaimana kita mahu membudayakan budaya iqra dalam masyarakat bermula daripada kecil hingga ke hujung usia. Persoalan yang perlu diamati oleh pemerintah ialah:

- Kecelaruhan sistem pendidikan. Ini jelas dapat dilihat apabila indeks jenayah remaja meningkat, moral dan akhlak runtuh, mudah terpengaruh dengan budaya barat yang tiada sebarang nilai peradaban serta hilang nilai jati diri sebagai umat yang bermaruah.
- Pusat pengajian tinggi yang begitu banyak tumbuh bagai cendawan tetapi masih berada di takuk yang lama dan kedudukan senarai universiti terbaik dunia menunjukkan betapa lemahnya sistem IPT Malaysia untuk berdaya saing dengan universiti yang bertaraf dunia.

Tidakkah dasar pendidikan negara berteraskan kepada JERI iaitu menambahkan nilai kekuatan jasmani, emosi, rohani dan juga intelektual.

Mana usaha kerajaan dalam meningkatkan nilai pendidikan dengan lebih cemerlang. Kita bimbang, kita hanya gah pada prasarana dan fizikal bangunan serta keelokan lokasinya tetapi dangkal dan mufli ilmu yang akhirnya universiti akan menjadi taman bunga atau menara gading yang tiada gadingnya.

Marilah sama-sama kita mengembeleng tenaga untuk menjadikan dasar pendidikan membawa kepada nilai akhlak yang luhur dan mulia, mempunyai keyakinan yang teguh, daya intelektual yang tinggi dan layak memimpin dunia untuk merasa besar dan takut kepada Allah SWT selaras dengan erti ilmu mengikut kamus ulama Islam.

PENUTUP

Ulamak yang dirahmati sekalian,

Sidang Mukhtamar yang diberkati Allah,

Islam pasti akan menang kerana itulah janji Allah dalam Surah al-Nur ayat 55

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ

Maksudnya: Allah telah menjanjikan kepada orang-orang beriman di kalangan kamu dan beramal soleh, Dia pasti menjadikan mereka pemerintah di bumi sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang sebelum kamu sebagai pemerintah.”

Ulamak Haraki perlu menjadi benteng kemenangan Islam. Ulamak haraki perlu menjadi benteng pemerintahan Islam. Ulamak Haraki perlu menjadi benteng Izzah Islam

Sekian, Selamat Bermukhtamar, Siiru ‘ala barakatillah..!

Takbir! Takbir! Takbir!

Wabillahittaufig, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Akhukum Fil Islam,

Hj Harun Taib